


BAHAN BACAAN

HADAPI SOALAN ESEI BAHAGIAN C

PENDIDIKAN MORAL SPM 2023

[EDISI PERTAMA]

**KOMPILASI INI DITUJUKAN KHAS BUAT TATAPAN
MURID-MURID SMK PUSAT BANDAR PUCHONG (1)**



BAHAN EDARAN DALAMAN SAHAJA

21 SOALAN ESEI
BHG C dengan
Cadangan Jawapan.

Bantu Anda Kuasai
Isu Semasa &
Isu Buku Teks serta
Fakta Buku Teks.

CONFIRM RUGI
KALAU TAK BACA !!!

READING is a
basic tool
in the living of
A GOOD LIFE.

The more that you
READ the more things
you will KNOW.
NEVER GIVE UP !!!

INISIATIF

V.T. SURESH
GURU
MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN MORAL

KANDUNGAN BAHAN BACAAN

SOALAN	UNIT	ISU	MUKASURAT
s1	Norma masyarakat	SEBAB golongan muda utamakan BUDAYA HEDONISME.	1
		LANGKAH untuk elakkan golongan muda terjerumus dalam BUDAYA HEDONISME.	2
s2	Perpaduan	PERANAN KERAJAAN memupuk semangat PERPADUAN dalam kalangan masyarakat.	3
		CABARAN jadi kekangan BINA masyarakat bersatu-padu (PERPADUAN).	4
s3	Kedaulatan Negara	TINDAKAN rakyat dalam tangani isu-isu yang gugat KEDAULATAN negara.	5
		CABARAN untuk kekalkan kedaulatan negara.	6
s4	Norma masyarakat Global	CABARAN masyarakat global atasi ISU PERUBAHAN CUACA DAN IKLIM DUNIA.	7
		CARA masyarakat global tangani ISU PERUBAHAN CUACA DAN IKLIM DUNIA.	8
s5	Integriti Organisasi	KEPENTINGAN AMALAN INTEGRITI dalam Kelab komputer sekolah.	9
		CARA LAKSANAKAN INTEGRITI dalam sesebuah organisasi.	10
s6	Perpaduan	CONTOH aktiviti untuk menyemarakkan semangat PERPADUAN dalam kalangan murid sekolah.	11
		KEPENTINGAN eratkan semangat PERPADUAN dalam kalangan rakyat Malaysia.	12
		KESAN terhadap masyarakat jika aspek PERPADUAN tidak dititikberatkan oleh semua pihak.	12
s7	Hak dan Tanggungjawab Warganegara	CARA anda MEMBANTU MANGSA BANJIR.	13
		TANGGUNGJAWAB anda yang lain SEBAGAI WARGANEGARA yang baik.	14
s8	Prinsip keadilan dan keprihatinan	Tindakan Ibu Mencuri Kasut Sukan untuk anaknya di tempat kerja.	15
		Tindakan BERPERIKEMANUSIAN MAJIKAN terhadap Ibu berkenaan.	16
s9	Norma Masyarakat Global	PUNCA pemanasan global.	17
		KESAN pemanasan global.	18
		LANGKAH tangani isu pemanasan global.	19
s10	Berperikemanusiaan	FAKTOR penyumbang kepada PEMERDAGANGAN kanak-kanak dan wanita.	20
		CABARAN dihadapi negara dalam membanteras isu PEMERDAGANGAN kanak-kanak dan wanita.	21

KANDUNGAN BAHAN BACAAN

SOALAN	UNIT	ISU	MUKASURAT
s11	Pengurusan Perbelanjaan Secara Beretika	CARA anda MENGURUS PERBELANJAAN SECARA BERETIKA apabila lihat iklan JUALAN MURAH.	22
		KEPENTINGAN seseorang tidak berbelanja mengikut nafsu ketika JUALAN MURAH.	22
		IMPLIKASI BERBELANJA SECARA TIDAK BERETIKA.	23
s12	Program Komuniti	PERANAN rakyat Malaysia dalam MENJAYAKAN DASAR KEBERSIHAN NEGARA.	24
		KEPENTINGAN Dasar Kebersihan Negara dalam pembangunan komuniti.	25
s13	Perikemanusiaan & Integriti Keluarga	PERANAN pelbagai pihak dalam mencegah PENDERAAN KANAK-KANAK.	26
		CABARAN MEMBENTUK KELUARGA HARMONI.	27
s14	Penggunaan TMK Secara Beretika	CARA anda HINDARKAN diri daripada PENYALAHGUNAAN INTERNET.	28
		KESAN masyarakat tidak gunakan kemudahan internet secara beretika.	29
s15	Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat Secara Beretika	KEWAJARAN tindakan menularkan mesej yang baharu diterima.	30
		TATACARA menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat.	31
s16	Penggunaan TMK Secara Beretika & Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat Secara Beretika	TINDAKAN apabila dapat PANGGILAN SCAMMER. [MACAU SCAM]	32
		CARA untuk membendung ISU MACAU SCAM.	33
s17	Keunikan Rakyat Malaysia	CONTOH PERAYAAN disambut oleh rakyat Malaysia selain Tahun Baharu Cina.	34
		CARA anda MENGEKALKAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA.	34
		CABARAN untuk MENGEKALKAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA.	35
s18	Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa	CONTOH negara miliki hubungan dua hala dengan Malaysia.	36
		KEPENTINGAN mengekalkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar.	36
		CABARAN dihadapi Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa.	37
s19	Individu Glokal	CIRI INDIVIDU GLOKAL – Azizul Julirin.	38
		CARA anda boleh menjadikan diri anda sebagai individu BERSIKAP GLOKAL.	39

KANDUNGAN BAHAN BACAAN

SOALAN	UNIT	ISU	MUKASURAT
s20	Integriti Negara	TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARANYA.	40
		IMPLIKASI JIKA PEMIMPIN TIDAK AMALKAN AKAUNTABILITI DAN INTERGRITI.	41
s21	Integriti Organisasi	KEPENTINGAN amalan integriti dalam organisasi.	42
		CARA majikan dan pekerja mengamalkan integriti dalam organisasi.	43

HEDONISME

1 Dewasa ini, kebanyakan golongan muda didapati lebih mengutamakan budaya hedonisme.

- Hedonisme adalah pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup sahaja.
- Budaya hedonisme ialah satu doktrin yang menekankan keseronokan adalah kemuncak kepada segala kebaikan.
- Wahananya terdiri daripada bahan elektronik hinggalah kepada bahan percetakan.
- Hiburan, bersuka ria, berpesta, konsert, berpelesiran sehingga lewat malam, penyalahgunaan dadah, pergaulan serta seks bebas.
- Ikonnya terdiri daripada golongan artis, pelakon, bintang sukan dan selebriti.

(a) Berdasarkan pernyataan di atas, jelaskan **mengapakah golongan muda kini mengutamakan budaya hedonisme?**

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Golongan muda harus mengamalkan nilai harga diri , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Sebab pertama , **kurangnya didikan agama.**

Natijahnya, golongan muda tidak mendapat ketenangan jiwa dalam kehidupan mereka.

Lantas, mereka cari keseronokan menerusi amalan budaya hedonisme.

Contohnya , golongan muda mula kerap mengunjungi pusat hiburan dan berparti liar.

Secara tuntasnya , pegangan agama yang lemah mudah mendorong mereka terpengaruh dengan budaya hedonisme.

Sebab kedua , **pengaruh media massa.**

Dewasa ini , golongan muda mendapat pendedahan luas tentang budaya hedonisme menerusi media massa.

Hampir semua filem paparkan adegan minum arak, melepak, kunjungi pusat hiburan, berparti liar, amalan pergaulan bebas dan sebagainya.

Misalnya , golongan muda kini boleh tonton pelbagai filem tanpa penapisan melalui video streaming seperti Netflix secara online menerusi telefon pintar mereka.

Secara konklusinya , perkembangan pesat media massa secara tidak langsung mendorong golongan muda lalai dalam kehidupan mereka sambil mencari keseronokan mutlak.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Golongan muda harus amalkan nilai harga diri , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Sebab pertama , **kurang didikan agama.**

Golongan muda tidak tenang dan pergi ke pusat hiburan.

Sebab kedua , **pengaruh media massa.**

Golongan muda ikut filem yang suka tunjuk pusat hiburan dan amalan pergaulan bebas.

- (b) Langkah tertentu perlu diambil untuk mengelakkan golongan muda tempatan terjerumus dalam budaya hedonisme. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Langkah pertama , ibu bapa perlu beri perhatian sepenuhnya kepada anak-anak mereka.

Ibu bapa harus luangkan masa berkualiti bersama anak-anak mereka. Selain itu , ibu bapa harus mengambil berat tentang pergaulan anak-anak mereka dan harus menjadi suri teladan yang terbaik.

Misalnya , ibu bapa sendiri tidak amalkan budaya kunjungi pusat hiburan dan berparti liar.

Intihanya , perhatian dan pengawasan ibubapa penting dalam memastikan anak mereka tidak terjebak dalam budaya hedonisme.

Langkah kedua , kerajaan patut membendung sebarang bentuk hiburan melampau yang boleh melalaikan golongan muda negara.

Sejajar dengan ini , kerajaan perlu memantau operasi pusat hiburan. Kerajaan perlu kenakan tindakan keras ke atas pusat hiburan yang menyalahgunakan lesen mereka untuk menganjurkan parti liar.

Sebagai contoh , kerajaan harus kenakan kompaun tinggi serta tidak gentar untuk tarik balik lesen pusat hiburan yang degil dan peserta parti liar perlu didakwa di mahkamah.

Konklusinya , ketegasan kerajaan dalam mengekang hiburan dan keseronokan melampau dapat menjauhi golongan muda daripada binasa akibat budaya hedonisme.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Langkah pertama , ibu bapa perlu beri perhatian kepada anak mereka. Ibu bapa harus luangkan masa berkualiti dengan anak mereka.

Langkah kedua , kerajaan patut bendung hiburan melampau yang boleh rosakkan golongan muda negara.

Kerajaan perlu ambil tindakan keras ke atas pusat hiburan yang buat parti liar.

PERPADUAN [Bahagian 1]

2 Maklumat berikut berkaitan dengan kepentingan perpaduan kaum.

Perpaduan ialah penyatuan masyarakat dalam membentuk satu identiti nasional dan nilai bersama. Perpaduan kaum merupakan suatu misi yang amat penting agar Malaysia dapat mengorak langkah menuju ke arah pembentukan negara bangsa yang mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain.

- (a) Huraikan **peranan kerajaan** dalam merealisasikan misi **untuk memupuk semangat perpaduan** dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Jawapan anda perlu disokong dengan **nilai-nilai murni** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kerajaan perlu memupuk nilai toleransi , nilai hormat , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Peranan pertama , **kerajaan boleh mengadakan sambutan Rumah Terbuka Perdana semasa perayaan utama setiap kaum yang terdapat di Malaysia.**

Melalui usaha ini , masyarakat dapat mengenali antara satu sama lain dan sama-sama bergembira menyambut perayaan yang diraikan.

Selain itu , amalan rumah terbuka dapat menjadi medium untuk masyarakat fahami budaya kaum lain sambil menikmati pelbagai jenis juadah dari pelbagai kaum.

Tamsilnya , rumah terbuka kerajaan harus menjadi acara yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia semasa Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Vesakhi, Krismas, Pesta Kaamatan dan Pesta Gawai.

Tegasnya , kerajaan harus kekalkan amalan rumah terbuka untuk mengeratkan perpaduan sesama masyarakat.

Peranan kedua , **kerajaan perlu memperkenalkan dasar-dasar dan pelan tindakan untuk kawal politik melampau yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat.**

Sejajar dengan ini , kerajaan perlu merapatkan jurang ekonomi antara kaum melalui pengenalan dasar ekonomi yang mantap.

Dengan ini , kerajaan dapat membasmi kemiskinan dengan memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Contohnya , kerajaan harus memperkasakan Dasar Pembangunan Nasional , Dasar Kebudayaan Kebangsaan , Dasar Perpaduan Negara dan sebagainya.

Rumusannya , dasar serta langkah proaktif kerajaan penting dalam menyemarakkan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat berlainan etnik.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kerajaan perlu pupuk nilai toleransi, nilai hormat, nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Peranan pertama , **kerajaan mesti buat Rumah Terbuka untuk perayaan semua kaum.** Nanti , masyarakat dapat kenali antara satu sama lain dan faham budaya kaum lain.

Peranan kedua , **kerajaan buat dasar ekonomi yang baik untuk semua kaum.**

Dengan ini , kerajaan dapat membasmi kemiskinan semua rakyat Malaysia tanpa kira kaum.

- (b) Usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Namun begitu, pelbagai **cabaran** tetap **menjadi kekangan** dalam usaha **membina masyarakat** yang **bersatu padu**.
Jelaskan. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cabaran pertama , **penguasaan bahasa kebangsaan yang lemah**.
Segelintir masyarakat kurang peka terhadap kepentingan belajar dan menguasai bahasa kebangsaan.
Kelemahan masyarakat dalam kuasai bahasa kebangsaan menyukarkan proses komunikasi dan proses memahami individu berlainan kaum.
Biar kita ambil contoh , memang tidak dapat dinafikan terdapat ramai murid lepasan sekolah vernakular hanya fasih dalam satu bahasa sehingga hanya cenderung bergaul sesama mereka dan kurang bercampur dengan kaum lain.
Ironinya , kerajaan harus pastikan peratus penggunaan bahasa Melayu dalam sesi pengajaran di sekolah vernakular dipertingkatkan untuk atasi cabaran ini.

Cabaran kedua , **penyebaran maklumat palsu dan negatif**.
Penggunaan media sosial tanpa had memudahkan insiden penularan isu yang menyentuh sensitiviti perkauman dan agama.
Hal ini boleh mengakis perpaduan antara kaum.
Misalnya , komen yang berunsur perkauman ke atas pemain badminton perseorangan wanita negara Kisona tidak boleh diterima dalam budaya Malaysia yang pelbagai bangsa dan agama.
Akhir kata , kerajaan harus ambil tindakan tegas terhadap individu yang tularkan berita negatif yang berbaur sentimen perkauman serta agama untuk elakkan perpecahan.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cabaran pertama , **tidak kuasai bahasa kebangsaan**.
Nanti , masyarakat sukar komunikasi dan fahami individu kaum lain.

Cabaran kedua , **sebar banyak berita negatif**.
Contoh , media sosial tular banyak berita perkauman yang rosakkan perpaduan.

KEDAULATAN NEGARA

3 Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kedaulatan negara diperoleh daripada hasil perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu. Generasi kini haruslah memahami kepentingan mempertahankan kedaulatan negara yang dinikmati.

(a) Sebagai rakyat Malaysia yang berjiwa merdeka, huraikan **tindakan yang patut diambil bagi menangani isu-isu yang menggugat kedaulatan negara.**

Jawapan anda perlu disokong dengan **nilai-nilai murni** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Rakyat Malaysia harus mengamalkan nilai patriotisme , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Tindakan pertama , **rakyat Malaysia harus meningkatkan semangat cinta terhadap negara.**

Rakyat harus memuliakan lambang kebesaran negara.

Rakyat perlu taat setia kepada raja dan negara dan tidak mengkhianati negara.

Tamsilnya , rakyat harus mempertahankan maruah dan bangsa negara dengan bersedia korban apa sahaja untuk mempertahankan kemerdekaan negara.

Ringkasnya , semangat cintai negara sangat vital untuk menghadapi sebarang isu yang boleh gugat kedaulatan negara.

Tindakan kedua , **rakyat Malaysia harus mengekalkan perpaduan dalam negara.**

Rakyat harus menerima dan menghargai agama dan kepercayaan semua kaum.

Rakyat haruslah belajar hidup bertolak ansur untuk elakkan pertelingkahan demi kesejahteraan negara.

Misalnya , pengalaman 13 Mei 1969 suatu ketika dahulu banyak mengajar kita supaya menjadikan perpaduan kaum sebagai keutamaan.

Jelaslah bahawa , perpaduan antara kaum penting bagi membentuk semangat nasionalisme agar rakyat Malaysia dapat bersatu-padu dan bergabung tenaga untuk hadapi pelbagai cabaran negara.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Rakyat Malaysia harus amalkan nilai patriotisme , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Tindakan pertama , **rakyat Malaysia harus tingkatkan semangat cinta kepada negara.**

Rakyat harus sedia korban apa sahaja untuk jaga kedaulatan negara.

Tindakan kedua , **rakyat Malaysia harus kekalkan perpaduan dalam negara.**

Rakyat harus belajar terima dan hidup baik dengan semua kaum.

- (b) Terangkan cabaran yang boleh menggugat usaha untuk mengekalkan kedaulatan negara. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cabaran pertama, generasi muda yang kurang semangat cinta terhadap negara.

Ini kerana generasi muda tidak pernah merasai kesusahan hidup semasa zaman penjajahan dulu.

Mereka dilimpahi dengan bermacam nikmat dan kesenangan sehingga mereka tidak lagi menitikberatkan semangat sayang terhadap negara.

Sebagai contoh, golongan muda kini hanya pentingkan kerjaya dan mereka lebih mudah berhijrah ke negara asing jika mendapat tawaran gaji yang lebih lumayan di negara lain.

Ringkasnya, semangat cinta akan tanahair dalam kalangan golongan muda mustahak dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara.

Cabaran kedua, taraf ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dalam kalangan rakyat.

Jurang sosioekonomi antara kaum di negara kita adalah ketara di mana sebahagian besar sektor ekonomi negara didominasi oleh kaum tertentu.

Kaum yang mendominasi akan menyekat kemasukan kaum lain kerana ingin terus mengekalkan hak dan kuasa dominasi mereka.

Contoh ketara yang paling dekat dengan kita ialah peristiwa 13 Mei ekoran rasa tidak puas hati dan iri hati antara kaum akibat persaingan ekonomi yang tidak sihat.

Tegasnya, kerajaan perlu merapatkan jurang sosioekonomi antara kaum melalui pengenalan polisi ekonomi yang mantap.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cabaran pertama, generasi muda kurang semangat cinta kepada negara.

Contoh, golongan muda akan tinggal dan kerja di luar negara bila dapat gaji tinggi.

Cabaran kedua, taraf ekonomi antara rakyat tidak seimbang.

Nanti, rakyat tidak puas hati dengan kaum lain dan akan berlaku semula peristiwa 13 Mei.

PERUBAHAN CUACA DAN IKLIM DUNIA

- 4 Gambar di bawah menunjukkan perubahan cuaca dan iklim yang berlaku di dunia.



- (a) Pada pendapat anda , apakah **cabaran** yang dihadapi oleh **masyarakat global** dalam mengatasi isu perubahan cuaca dan iklim dunia?

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Masyarakat global harus mengamalkan nilai kerjasama , nilai bertanggungjawab dan nilai rasional.

Cabaran pertama , pertambahan gas karbon dioksida , CFC dan bahan-bahan pencemar yang lain dalam atmosfera.

Hal ini akan menyebabkan suhu bumi semakin panas.

Fenomena ini berlaku disebabkan oleh kegiatan manusia.

Antaranya , pembebasan asap oleh kenderaan bermotor dan penggunaan bahan api fosil sebagai bahan bakar utama dalam aktiviti perindustrian dan juga untuk menghasilkan tenaga elektrik.

Jelaslah , peningkatan tahap gas rumah hijau dalam atmosfera memburukkan lagi fenomena pemanasan global.

Cabaran kedua , perubahan corak penggunaan tanah oleh manusia.

Dewasa ini , manusia rakus melakukan aktiviti penyahhutan secara besar-besaran.

Manusia bertindak sedemikian untuk menjalankan aktiviti pertanian , petempatan dan perindustrian di mana ini mengakibatkan perubahan iklim secara ekstrem.

Misalnya , suhu panas melampau melanda sebahagian benua Eropah dan pencairan bongkah ais berskala besar sedang berlaku di Greenland.

Secara konklusinya , sikap individualistik dan sikap materialistik menyebabkan manusia mula menggondol hutan dan lakukan perubahan ke atas struktur tanah.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Masyarakat global harus amalkan nilai kerjasama , nilai bertanggungjawab dan nilai rasional.

Cabaran pertama , gas karbon dioksida bertambah dalam atmosfera.

Ini berlaku kerana masyarakat guna bahan api fosil dalam aktiviti industri dan kereta mereka.

Cabaran kedua , manusia rakus tebang pokok.

Manusia mahu buat aktiviti pertanian , bina rumah dan kilang.

- (b) Bagaimanakah masyarakat global dapat bekerjasama dalam **menangani isu perubahan cuaca dan iklim dunia?** [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cara pertama , masyarakat global harus muhasabah diri dan mengubah gaya hidup mereka.

Ini bermakna masyarakat global perlu beralih kepada kehidupan mesra alam. Selaras dengan ini , masyarakat global harus menyokong semua kempen ke arah kelestarian alam yang dianjurkan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Antaranya , budaya menjimatkan penggunaan elektrik , mula kurangkan penggunaan pendingin udara , mula gunakan pengangkutan awam dan sebagainya.

Secara konklusinya , masyarakat global perlu ubah kepada gaya hidup mesra alam untuk mengurangkan impak pemanasan global.

Cara kedua , masyarakat global harus kurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil.

Ini kerana , penggunaan bahan api fosil telah dikenal pasti sebagai punca utama pencemaran alam sekitar.

Tambahan pula , bahan api jenis ini mempunyai kandungan karbon tinggi yang berupaya menyumbang kepada pemanasan global.

Tamsilnya , masyarakat global harus mula beralih kepada kenderaan mesra alam seperti kenderaan hidrid , kenderaan elektrik dan kenderaan biodiesel yang mampu kurangkan pengeluaran bahan toksik melalui ekzos kenderaan.

Intihanya , masyarakat global harus beralih kepada kenderaan alternatif kepada bahan api fosil seperti yang tersenarai di atas untuk tangani isu ini sebaik mungkin.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cara pertama , masyarakat global harus ubah gaya hidup mereka.
Masyarakat global harus mesra alam dan jimat guna elektrik.

Cara kedua , masyarakat global harus kurang guna bahan api fosil.
Masyarakat global harus guna kereta elektrik.

INTEGRITI ORGANISASI

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan Piagam Pelanggan Kelab Komputer SMK Methodist Telok Datok, Banting.



Piagam Pelanggan SMK Methodist Telok Datok, Banting.

- Memastikan semua peralatan TMK berfungsi dengan baik.
- Menjalankan kursus-kursus TMK terkini kepada semua warga sekolah sepanjang tahun.
- Semua kerosakan peralatan akan dilaporkan dan diselenggarakan dalam tempoh 24 jam.
- Menyediakan perkhidmatan yang mesra pengguna di dalam makmal komputer.

- (a) Piagam pelanggan bertujuan untuk menerapkan amalan integriti dalam sesebuah organisasi. Huraikan **kepentingan amalan integriti** dalam organisasi di atas.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kepentingan pertama , ahli kelab komputer akan menunjukkan tingkah laku yang beretika ketika berada dalam kelab.

Perkara ini akan mendorong mereka untuk mematuhi etika kelab.

Seperkara lagi , ahli kelab dapat membentuk budaya kerja berintegriti.

Contohnya , ahli kelab komputer akan mendukung slogan bersih , cekap dan amanah yang diwar-warkan oleh kerajaan sebagai nilai hidup mereka.

Tegasnya , amalan integriti penting untuk melahirkan ahli kelab beretika tinggi.

Kepentingan kedua , amalan ini dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan kelab komputer.

Dengan ini, visi dan misi kelab komputer akan tercapai.

Selain itu , kelab komputer akan memperoleh keyakinan daripada pelanggannya.

Misalnya , murid-murid SMK Methodist akan berpusu-pusu hadir ke bilik kelab komputer untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan dengan penuh rasa puas hati.

Intihanya , amalan integriti mustahak dalam merealisasikan usaha murni kelab untuk menawarkan perkhidmatan yang cekap.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kepentingan pertama , ahli kelab komputer akan tunjukkan tingkah laku yang betul.

Mereka mesti amalkan budaya kerja integriti.

Kepentingan kedua , ahli kelab komputer harus beri perkhidmatan cekap.

Nanti pelanggan kelab rasa puas hati.

- (b) **Setujukah** anda jika semua kelab di SMK Methodist Telok Datok, Banting mempunyai piagam pelanggan masing-masing?

Jelaskan **cara melaksanakan integriti dalam sesebuah organisasi.** Berikan hujah anda berdasarkan nilai universal yang telah dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya setuju jika semua kelab miliki piagam pelanggan masing-masing.

Semua anggota organisasi harus mengamalkan nilai kejujuran , nilai bertanggungjawab , nilai hormat , nilai rasional dan nilai kerjasama.

Cara pertama , semua anggota perlu mematuhi kod etika kerja organisasi mereka. Sejarar dengan ini , mereka perlu sentiasa berdisiplin dan berkelakuan baik. Selain itu , ahli organisasi harus mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang diguna pakai dalam organisasi mereka.

Misalnya , ahli organisasi harus menepati masa ketika bertugas dan sentiasa memberi taat setia yang tidak berbelah bagi kepada kelab mereka.

Akhir kata , komitmen ahli organisasi akur kepada kod etika kerja organisasi mereka dapat meningkatkan kredibiliti dan reputasi organisasi mereka secara tidak langsung.

Cara kedua , organisasi harus laksanakan program kesedaran memerangi penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan anggota organisasi. Selaras dengan ini , pihak pengurusan organisasi harus memperkukuh dan kuatkuasakan semua peraturan organisasi.

Dengan ini , pihak pengurusan kelab harus mengenakan tindakan tatatertib yang tegas sekiranya mana-mana ahli organisasi melanggar peraturan.

Tamsilnya , ahli organisasi yang terbukti bersalah boleh digantung keahlian , didenda dan bagi kesalahan serius boleh dipecat serta diserahkan kepada pihak berkuasa untuk tindakan undang-undang.

Konklusinya , organisasi harus mempromosikan budaya kerja integriti tanpa elemen penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan anggotanya.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya setuju semua kelab ada piagam pelanggan.

Semua anggota organisasi harus amalkan nilai kejujuran, nilai bertanggungjawab, nilai hormat , nilai rasional dan nilai kerjasama.

Cara pertama , semua anggota mesti ikut kod etika kerja organisasi mereka. Mereka perlu berdisiplin dan ikut peraturan organisasi.

Cara kedua , organisasi harus buat program kesedaran perangi penyelewengan dan salah guna kuasa.

Ahli organisasi yang langar peraturan dan buat salah mesti diambil tindakan.

PERPADUAN [Bahagian 2]

- 6 Gambar berikut merujuk kepada amalan perpaduan di sekolah.



Amalan perpaduan harus bermula dari sekolah melalui sistem pendidikan dan penerapan nilai murni.

- (a) (i) **Wajarkah** sekolah menganjurkan lebih banyak aktiviti yang bertemakan perpaduan?

Huraikan **contoh aktiviti** yang boleh menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan murid sekolah. [5 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Sekolah **wajar** anjurkan banyak aktiviti bertemakan perpaduan.

Sekolah boleh menganjurkan aktiviti untuk semai semangat cinta akan negara dalam usaha untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid sekolah.

Ini kerana aktiviti tersebut dapat menarik penyertaan semua murid tanpa mengira kaum.

Murid pelbagai kaum berpeluang untuk berkumpul, mengenali antara satu sama lain dan berganding bahu untuk menjayakan aktiviti sekolah dengan semangat kekitaan.

Misalnya, pada setiap tahun hari kemerdekaan negara disambut dengan penuh meriah di semua sekolah.

Secara kesimpulan, aktiviti di atas mampu menjadi wahana yang penting untuk menyuburkan semangat perpaduan dalam sanubari generasi muda negara kita.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Sekolah **wajar** anjurkan banyak aktiviti bertemakan perpaduan.

Sekolah boleh buat aktiviti untuk pupuk semangat cinta akan negara murid sekolah.

Ini kerana aktiviti tersebut dapat menarik semua murid tanpa mengira kaum.

- (ii) Terangkan kepentingan mengeratkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. [5 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kepentingan perpaduan adalah ia dapat mengukuhkan ekonomi negara. Rakyat Malaysia yang bersatu padu akan menggembleng tenaga bersama untuk memastikan negara terus maju.

Selain itu , pelabur asing tidak bimbang untuk melabur di Malaysia kerana keadaan negara kita yang aman dan damai.

Sebagai tamsilnya , pelancong asing akan tertarik dengan pengalaman Malaysia mengekalkan formula perpaduan antara kaum.

Konklusinya , seluruh rakyat perlu bersatu padu memakmurkan bumi Malaysia melalui perpaduan.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kepentingan perpaduan adalah ia dapat mengukuhkan ekonomi negara.

Rakyat Malaysia satu padu dan usaha bersama untuk pastikan negara terus maju.

- (b) Ramalkan kesan terhadap masyarakat jika aspek perpaduan tidak dititikberatkan oleh semua pihak berdasarkan nilai universal. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Masyarakat harus mengamalkan nilai toleransi , nilai kerjasama , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Kesan pertama , tidak wujud keharmonian dalam masyarakat.

Sikap prejudis terhadap kaum lain sentiasa wujud dalam kalangan masyarakat.

Masyarakat akan sentiasa curiga-mencurigai sehingga menebal semangat assabiah yang seterusnya boleh menimbulkan permusuhan antara kaum.

Misalnya , peristiwa 13 Mei yang berlaku apabila timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Kesimpulannya , peristiwa 13 Mei perlu dijadikan pengajaran oleh masyarakat untuk elakkan ketidakharmonian yang hanya merugikan semua pihak.

Kesan kedua , penularan berita perkauman yang boleh gugat kedaulatan negara.

Penggunaan media sosial tanpa had boleh memburukkan lagi keadaan.

Dewasa ini , isu perkauman sentiasa diungkit secara tular dalam platform media sosial.

Contohnya , baru-baru ini pihak Tik Tok terpaksa memadamkan video yang sentuh isu perkauman secara ekstrem melibatkan insiden 13 Mei.

Konklusinya , rakyat harus jaga kesopanan ketika gunakan platform media sosial untuk elakkan penyebaran berita yang boleh cetuskan kebencian kaum.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Masyarakat harus amalkan nilai toleransi , nilai kerjasama , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Kesan pertama , masyarakat tidak hidup harmoni.

Masyarakat jadi musuh antara satu sama lain.

Kesan kedua , sebar berita perkauman dalam media sosial.

Contohnya , buat Tik Tok peristiwa 13 Mei.

BANTUAN MANGSA BANJIR / TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA

- 7 Gambar di bawah menunjukkan kejadian banjir yang melanda negara kita.



- (a) Sebagai warganegara Malaysia , **bagaimanakah** anda dapat membantu mangsa-mangsa banjir tersebut?

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya harus mengamalkan nilai baik hati , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , **saya akan hulurkan bantuan kewangan.**

Dengan ini , saya dapat bantu meringankan beban mangsa banjir.

Selain itu , saya akan menyebarkan berita tentang tabung mangsa banjir kepada anggota keluarga , saudara-mara dan rakan-rakan saya melalui media sosial saya.

Misalnya , saya akan menderma wang ringgit kepada tabung mangsa banjir dengan mengikuti 'Program Karnival Jom Heboh' anjuran TV3.

Konklusinya , saya akan menyalurkan bantuan kewangan walaupun sedikit agar mangsa banjir dapat membina semula kehidupan mereka.

Cara kedua , **saya akan menyertai pasukan sukarelawan.**

Dengan ini , saya boleh menyumbang tenaga fizikal untuk membantu mangsa banjir yang memerlukan.

Saya boleh ambil bahagian dalam aktiviti gotong-royong membersihkan sisa banjir , baiki dan bina semula rumah mangsa yang rosak ekoran tragedi banjir.

Antara contoh , inisiatif yang perlu saya lakukan adalah mendaftarkan diri saya dalam NGO seperti RELA , Mercy Malaysia dan sebagainya.

Kesimpulannya , dengan menjadi anggota sukarelawan saya dapat memperolehi banyak pengalaman dan ilmu yang berguna.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya harus amalkan nilai baik hati , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , **saya akan beri bantuan kewangan.**

Dengan ini , saya derma Tabung Mangsa Banjir untuk meringankan beban mangsa banjir.

Cara kedua , **saya jadi sukarelawan.**

Saya masuk aktiviti gotong-royong bersihkan rumah mangsa banjir.

- (b) Selain tanggungjawab terhadap mangsa banjir, terangkan **tanggungjawab anda yang lain sebagai warganegara yang baik.** [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Pertama , sebagai warganegara saya **perlu belajar bersungguh-sungguh.**

Saya perlu menguasai pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Setelah itu , saya boleh gunakan ilmu dan kemahiran tersebut untuk majukan negara.

Misalnya , saya ingin menambahkan pengetahuan saya dalam bidang teknologi realiti maya agar saya dapat membantu negara menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0

Jelaslah bahawa , saya harus membuka minda untuk pelajari cara memajukan Malaysia seperti negara-negara barat.

Kedua , saya **berusaha untuk kekalkan perpaduan dalam kalangan berbilang kaum.**

Saya perlu belajar menerima kepelbagaian masyarakat berbilang bangsa.

Sejajar dengan ini , saya menambahkan pemahaman saya terhadap agama serta budaya kaum lain.

Tamsilnya , di sekolah saya akan bertegur sapa , mewujudkan persefahaman dan semangat kekitaan dengan semua murid tanpa mengira kaum.

Rumusannya , sebagai warganegara adalah menjadi obligasi saya untuk kekalkan perpaduan dalam tanah tumpahnya darahku.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Pertama , **saya mesti belajar sungguh-sungguh.**

Nanti , saya boleh guna ilmu untuk majukan negara.

Kedua , **saya mesti usaha untuk kekalkan perpaduan.**

Di sekolah , saya akan kawan dengan semua murid tanpa mengira kaum.

PRINSIP KEADILAN DAN PRINSIP KEPRIHATINAN

- 8 Situasi di bawah menunjukkan perbuatan Rashmika di tempat kerjanya.



Rashmika bekerja di sebuah kedai kasut terkenal. Rashmika tidak mampu membeli kasut yang dijual di kedai tersebut. Pada suatu hari, dia mencuri sepasang kasut sukan untuk anaknya yang akan mewakili sekolah dalam acara sukan. Tindakannya itu telah diketahui oleh majikan dan Rashmika diserahkan kepada pihak polis walaupun ini adalah kesalahan pertamanya.

- (a) Berdasarkan situasi di atas, **wajarkah** tindakan Rashmika tersebut? Justifikasikan jawapan anda berdasarkan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Tindakan Rashmika tidak wajar.

Pertama, berdasarkan prinsip keadilan, tindakan Rashmika adalah salah disisi undang-undang.

Rashmika tidak boleh mencuri demi kepentingan peribadi.

Sebaliknya, Rashmika perlu mengamalkan budaya kerja berintegriti.

Contohnya, Rashmika harus mematuhi kod etika kerja dan elakkan tindakan penyelewengan yang hanya membawa kerugian kepada syarikatnya.

Secara kesimpulan, tindakan Rashmika yang salah itu mampu menjejaskan imej diri serta menghancurkan masa depannya.

Kedua, Rashmika perlu bertindak menganalisis situasi dan membuat pertimbangan moral.

Maka, dia boleh menemui alternatif tindakan lain untuk memenuhi keperluan kasut sukan anaknya itu.

Sejajar dengan ini, dia boleh berbincang dengan majikan untuk membeli kasut sukan tersebut.

Misalnya, Rashmika boleh meminta jasa baik majikan untuk membeli kasut tersebut dengan harga staf dan membayarnya dengan ansuran mudah yang cukup fleksibel.

Secara konklusinya, Rashmika perlu berfikir secara adil apabila berdepan situasi dilema moral dan tidak takut untuk mengadakan rundingan dengan majikan.

Cadangan Jawapan

Tindakan Rashmika tidak wajar.

ARAS 2 : CALON LULUS

Pertama, ikut prinsip keadilan, tindakan Rashmika salah ikut undang-undang.

Rashmika tidak boleh curi untuk kepentingan diri sendiri.

Kedua, Rashmika buat pertimbangan moral.

Dia boleh berbincang dengan majikan untuk beli kasut sukan secara ansuran.

- (b) Andaikan anda adalah majikan Rashmika, apakah **tindakan berperikemanusiaan** yang boleh anda ambil terhadap masalah Rashmika?

Jelaskan jawapan anda berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Sebagai majikan Rashmika , saya perlu amalkan nilai bertanggungjawab , nilai hormat , nilai rasional , nilai baik hati dan nilai kasih sayang.

Tindakan pertama , **saya akan memaafkan Rashmika secara ikhlas.**

Ini kerana ia merupakan kesalahan pertamanya.

Saya perlu tunjukkan sikap simpati terhadap Rashmika yang hilang akal dan terpaksa mencuri kasut sukan demi memenuhi keperluan anaknya.

Misalnya , saya tidak akan menyerahkan Rashmika kepada pihak polis dan memecat Rashmika.

Secara konklusinya , saya bertindak sedemikian kerana saya mempertimbangkan nasib Rashmika dan keluarganya yang akan hilang sumber pendapatan jika dia dijatuhkan hukuman penjara dan dipecat.

Tindakan kedua , **saya akan beri amaran tegas kepada Rashmika.**

Saya tidak akan berkompromi lagi jika dia ulangi kesalahan yang serupa pada masa depan.

Saya akan menyerahkannya kepada pihak polis untuk tindakan undang-undang.

Misalnya , untuk menunjukkan darjah ketegasan saya , maka saya akan memecat Rashmika.

Secara konklusinya , saya tidak boleh berlembut dan harus bertindak dengan lebih keras jika Rashmika mengulangi kesalahannya itu.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya perlu amalkan nilai bertanggungjawab , nilai hormat , nilai rasional , nilai baik hati dan nilai kasih sayang.

Tindakan pertama , **saya akan maafkan Rashmika secara ikhlas.**

Ini kesalahan pertama , saya tidak serah dia kepada pihak polis.

Tindakan kedua , **saya akan beri amaran tegas kepada Rashmika.**

Kalau ulang kesalahan serupa nanti baharu saya hantar dia kepada polis.

ISU PEMANASAN GLOBAL

9 Dialog di bawah berkaitan dengan isu pemanasan global.

Nikitha : Cikgu , semalam saya dengar berita peningkatan suhu yang melampau di seluruh dunia.

Pradeep: Betullah Nikitha , saya pun ada baca berita tersebut. Kawasan timur England telah merekodkan suhu tinggi sepanjang masa 40.3°C semasa musim panas tahun ini.

Cikgu Yogi: Nikitha , Pradeep , inilah pemanasan global yang disebabkan oleh aktiviti manusia dan faktor semulajadi.

- (a) (i) Isu pemanasan global perlu diatasi demi pelestarian alam sekitar. Jelaskan **punca pemanasan global**. [4 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Salah satu punca pemanasan global adalah disebabkan oleh **aktiviti penyahhutan secara besar-besaran**.

Ini bermakna hutan digondol untuk menjalankan aktiviti pertanian , petempatan dan sebagainya.

Ini menyebabkan bilangan pokok berkurangan dan tidak dapat menyerap karbon dioksida untuk ditukarkan kepada oksigen melalui proses fotosintesis.

Situasi ini menyebabkan ketidakseimbangan antara kandungan oksigen dengan karbon dioksida dan akibatnya suhu bumi terus meningkat.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Punca pemanasan global adalah disebabkan oleh **aktiviti penyahhutan secara besar-besaran**.

Pokok-pokok di hutan ditebang untuk menjalankan aktiviti pembangunan.

(ii) Terangkan kesan pemanasan global terhadap dunia.

[8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kesan pertama , perubahan iklim dunia.

Akibat daripada pemanasan yang berterusan , iklim akan berubah dan menghasilkan corak cuaca baru yang kekal untuk jangka masa yang lama.

Selain itu , suhu tinggi akan tinggalkan kesan pada aliran angin yang seterusnya membawa kepada pembentukan lebih banyak ribut taufan serta hujan monsun yang lebih teruk daripada biasa.

Misalnya , Amerika Syarikat telah dilanda ribut salji dan ribut taufan yang sangat teruk baru-baru ini.

Kesimpulan , perubahan iklim dunia bukan sahaja mengakibatkan ekosistem alam sekitar terjejas malah bawa impak besar kepada manusia sejagat.

Kesan kedua , peningkatan aras laut.

Kenaikan suhu dunia menyebabkan pencairan ais di kutub utara dan kutub selatan pada kadar yang drastik.

Jika fenomena ini berterusan , maka ini mengakibatkan banjir besar dan akan menenggelamkan banyak kawasan daratan.

Misalnya , saintis ramal bahawa bandar seperti New York di Amerika Syarikat berdepan ancaman banjir akibat kenaikan paras laut.

Konklusinya , banyak harta benda musnah dan nyawa manusia terancam ekoran peningkatan aras laut.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kesan pertama , iklim dunia berubah.

Nanti ada ribut taufan dan hujan monsun yang sangat teruk.

Kesan kedua , aras laut meningkat.

Nanti banjir besar dan banyak kawasan tenggelami air.

- (b) Bincangkan langkah-langkah bagi menangani isu di atas.

Jawapan anda perlu berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari. [8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Masyarakat global harus amalkan nilai kerjasama , nilai rasional , nilai bertanggungjawab dan nilai kasih sayang.

Langkah pertama , masyarakat global harus muhasabah diri dan ubah gaya hidup mereka.

Ini bermakna masyarakat global perlu beralih kepada kehidupan mesra alam.

Selaras dengan ini , masyarakat global harus menyokong semua kempen ke arah kelestarian alam yang dianjurkan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Antaranya , budaya menjimatkan penggunaan elektrik , mula kurangkan penggunaan pendingin udara dan sebagainya.

Kesimpulan , masyarakat global perlu ubah kepada gaya hidup mesra alam untuk mengurangkan impak pemanasan global.

Langkah kedua , masyarakat global harus kurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil.

Ini kerana , penggunaan bahan api fosil telah dikenalpasti sebagai punca utama pencemaran alam sekitar.

Tambahan pula , bahan api jenis ini mempunyai kandungan karbon tinggi yang berupaya menyumbang kepada pencemaran udara dan pemanasan global.

Tamsilnya , masyarakat global harus mula beralih kepada kenderaan mesra alam seperti kenderaan elektrik.

Intihanya , masyarakat global harus beralih kepada kenderaan alternatif kepada bahan api fosil untuk mengurangkan fenomena pemanasan global.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Masyarakat global harus amalkan nilai kerjasama , nilai rasional , nilai bertanggungjawab dan nilai kasih sayang.

Langkah pertama , masyarakat global harus ubah gaya hidup mereka.

Contoh jimat guna elektrik dan kurang guna pendingin udara.

Langkah kedua , masyarakat global harus kurangkan bahan api fosil.

Contoh guna kereta mesra alam seperti kenderaan elektrik.

ISU PEMERDAGANGAN MANUSIA

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan jenayah pemerdagangan manusia.

Jenayah pemerdagangan manusia yang semakin menjadi-jadi telah mendatangkan pelbagai masalah kepada kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, permasalahan ini sukar untuk diatasi disebabkan oleh penglibatan pelbagai pihak dan perbezaan-perbezaan tertentu.

- (a) Huraikan **faktor** yang menyumbang kepada pemerdagangan kanak-kanak dan wanita.

Jawapan anda perlu berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Masyarakat global harus amalkan nilai kerjasama, nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai kasih sayang.

Faktor pertama, **kemiskinan dan isi rumah berpendapatan rendah.**

Kemiskinan di negara asal membuatkan mangsa berusaha untuk mengubah taraf hidup mereka.

Langkah yang diambil adalah dengan berhijrah ke negara lebih maju yang mempunyai peluang pekerjaan menerusi khidmat agensi pekerja warga asing.

Misalnya, mangsa yang terdesak perlukan pekerjaan akan dieksploitasi oleh agensi berkenaan dengan memberi kerja-kerja seperti menjadi buruh paksa atau pelacur.

Jelaslah, kemiskinan menjadi faktor penyumbang utama untuk kegiatan pemerdagangan manusia terus berleluasa dan bertambah parah.

Faktor kedua, **penguatkuasaan undang-undang yang lemah** membuatkan kegiatan ini semakin bermaharajalela.

Hukuman berat sepatutnya dikenakan terhadap sindiket yang menjadi dalang kepada kegiatan ini.

Selain itu, hukuman yang berat juga patut dikenakan kepada golongan majikan yang mengambil pekerja daripada sindiket pemerdagangan orang ini.

Contohnya, kerajaan perlu tegas memasukkan hukuman sebatan rotan serta tambahan tempoh masa penjara yang lebih lama terhadap sindiket.

Tegasnya, di sini bahawa penguatkuasaan yang lemah menjadi punca jenayah ini sukar untuk dilumpuhkan buat masa kini dan ini jejasakan imej negara di persada antarabangsa.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Masyarakat global harus amalkan nilai kerjasama, nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai kasih sayang.

Faktor pertama, **mereka miskin dan cari kerja di luar negara.**

Nanti agensi kerja tipu mereka jadi buruh paksa atau pelacur.

Faktor kedua, **kuatkuasa undang-undang yang lemah.**

Kerajaan harus tegas bagi hukuman berat untuk atasi masalah ini.

- (b) Bincangkan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh negara kita dalam usaha membanteras jenayah di atas. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cabaran pertama , sindiket pemerdagangan manusia biasanya mempunyai rangkaian domestik dan antarabangsa yang mantap.

Hal ini membolehkan mereka dapat menjalankan aktiviti mereka dengan mudah dan sistematik.

Tambahan pula , aktiviti mereka tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Misalnya , sindiket sangat licik di mana mereka boleh mendapat wanita dan kanak-kanak melalui pasaran gelap terus daripada ibu bapa , ahli keluarga terdekat , rumah anak-anak yatim atau penjaga.

Kesimpulannya , jaringan dan jalinan global yang baik dalam kalangan sindiket sememangnya mencabar kerja pihak penguatkuasa.

Cabaran kedua , pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

Hal ini menyebabkan permintaan terhadap tenaga buruh asing tinggi di negara kita.

Lantas , pihak sindiket pemerdagangan manusia mengambil kesempatan ini dengan membekalkan buruh demi mengaut keuntungan lumayan.

Contohnya , sindiket mengumpun mangsa dengan janji palsu seperti akan mendapatkan peluang pekerjaan bergaji lumayan namun mereka ditipu dan jatuh ke lembah pelacuran dan perhambaan.

Jelaslah , kepesatan pertumbuhan ekonomi negara menyuburkan lagi aktiviti pemerdagangan manusia sehingga sukar dibanteras secara sepenuhnya.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cabaran pertama , sindiket pemerdagangan manusia ada mempunyai rangkaian baik.

Aktiviti mereka tidak dapat dikesan oleh pihak berkuasa.

Cabaran kedua , pertumbuhan ekonomi negara pesat.

Sindiket pemerdagangan manusia ambil kesempatan bekalkan pekerja untuk buat untung lumayan.

JUALAN MURAH

- 11 Poster di bawah berkaitan dengan jualan murah.



- (a) (i) Jelaskan dua cara anda mengurus perbelanjaan secara beretika apabila melihat iklan jualan murah di atas. [4 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cara pertama , saya tidak akan terpengaruh dengan iklan tersebut.

Saya akan periksa harga terlebih dahulu bagi memastikan barangan tersebut benar-benar murah dan berkualiti.

Cara kedua , saya akan mendisiplinkan diri ketika berbelanja.

Saya akan berbelanja mengikut kemampuan dan ingin elakkan pembelian barangan berasaskan jenama semata-mata.

- (ii) Terangkan kepentingan seseorang tidak berbelanja mengikut nafsu ketika jualan murah berlangsung. Jawapan anda berdasarkan nilai universal yang anda pelajari. [8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Individu perlu amalkan nilai kesederhanaan, nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Kepentingan pertama , dapat elakkan bebanan hutang yang tidak sepatutnya.

Individu harus memupuk sikap menghargai wang.

Individu harus lebih berdisiplin ketika berbelanja.

Sebagai contoh , individu sepatutnya hanya membeli barangan keperluan yang telah dirancang sahaja.

Dengan ini , individu dapat membebaskan dirinya daripada bebanan hutang dan masalah kewangan.

Kepentingan kedua , dapat menjamin masa hadapan.

Individu patut merancang setiap perbelanjaannya secara berhemat bagi elakkan pembaziran.

Individu harus cenderung membuat tabungan daripada lebihan pendapatan untuk hadapi keperluan alam dewasa.

Misalnya , melalui simpanan di SSPN individu dapat menyambung pelajaran bagi memperkembangkan dimensi kerjayanya.

Dengan ini , individu dapat membina masa depan yang lebih sejahtera.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Individu perlu amalkan nilai kesederhanaan, nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Kepentingan pertama , dapat elakkan beban hutang yang tidak sepatutnya.

Individu harus disiplin apabila berbelanja.

Kepentingan kedua , dapat jamin masa depan.

Individu buat tabungan untuk hadapi alam dewasa.

(b) Ramalkan implikasi berbelanja secara tidak beretika.

[8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Implikasi yang pertama , individu akan menghadapi masalah kewangan. Ini adalah kerana individu bersikap boros dalam soal berbelanja. Individu tidak berdisiplin dan meningkatkan perbelanjaan peribadi yang tidak sepatutnya.

Sebagai contohnya , individu akan guna kad kredit secara tidak terkawal tanpa kesedaran.

Natijahnya , individu akan dihimpit krisis kewangan yang parah.

Implikasi yang kedua , individu akan mufliis.

Ini kerana , individu cenderung berbelanja di luar kemampuan mereka. Kesannya , individu akan mula berhutang keliling pinggang mereka.

Sebagai contoh , apabila individu tidak membuat bayaran kad kredit dalam tempoh waktu bebas faedah maka beban hutangnya akan bertambah banyak.

Kesimpulan , pihak bank tiada pilihan dan akan bertindak mengistiharkan individu tersebut mufliis apabila dia tidak dapat bayar ansuran pinjamannya.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Implikasi pertama , individu akan hadapi masalah kewangan. Individu tidak disiplin dan guna kad kredit tanpa kawalan.

Implikasi kedua , individu akan mufliis.

Individu tidak dapat bayar hutang kad kredit.

DASAR KEBERSIHAN NEGARA

12 Maklumat di bawah menunjukkan dasar baharu yang diperkenalkan di negara kita.



(a) Bagaimanakah anda memainkan **peranan** sebagai rakyat Malaysia **dalam usaha menjayakan dasar ini**.

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai-nilai universal yang telah dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya akan amalkan nilai kerjasama , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , saya akan menyertai kempen gotong-royong anjuran badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Saya akan kongsi info kempen gotong-royong tersebut dalam media sosial saya. Dengan ini , saya dapat mengajak ahli keluarga , saudara mara dan kawan saya untuk turut serta dan menjayakan aktiviti gotong-royong.

Contohnya , saya boleh sertai program gotong-royong membersihkan kawasan pantai.

Kesimpulannya , dengan ini saya dapat kesedaran tentang kepentingan jaga ekosistem dan biodiversiti pesisiran pantai.

Cara kedua , saya akan menerapkan amalan 5R dalam kehidupan saya.

Saya akan mengitar semula kertas.

Amalan ini dapat membantu menjaga semula sumber kertas tanpa perlu menebang pokok-pokok di hutan.

Misalnya , saya akan pastikan setiap helai kertas digunakan di kedua-dua belah helaianya dan saya akan kitar semula sampul surat terpakai dalam rumah saya.

Rumusannya , dengan amalan kitar semula kertas , saya dapat menyelamatkan dan kurangkan penebangan pokok yang merupakan sumber oksigen kepada semua makhluk.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya akan amalkan nilai kerjasama , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , saya sertai kempen gotong-royong.

Saya akan kongsi info kempen gotong-royong dalam media sosial saya.

Cara kedua , saya akan amalkan 5R dalam hidup saya.

Saya akan buat kitar semula kertas.

- (b) Bincangkan kepentingan dasar ini dalam pembangunan komuniti. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kepentingan pertama , dapat mewujudkan masyarakat yang membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian.

Dengan ini , masyarakat dapat kikiskan tabiat membuang sampah merata-rata.

Sebaliknya , mereka akan membudayakan amalan membuang sampah dengan cara yang betul.

Misalnya , masyarakat akan merealisasikan Kempen Buang Sampah Dalam Tong Sampah dan berubah kepada sistem pengasingan sisa dari punca.

Pendek kata , dasar ini mampu melahirkan generasi yang peka akan kepentingan amalan kebersihan di kawasan kediaman , tempat kerja, institusi pendidikan dan tempat awam.

Kepentingan kedua , dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat untuk mengekalkan tahap kesihatan yang baik.

Masyarakat akan sedar akan kepentingan menjaga kebersihan bagi mencegah penyakit berjangkit.

Apabila masyarakat komited jaga kebersihan maka mereka dapat hindari kehadiran vektor pembawa penyakit seperti nyamuk , lalat dan tikus.

Contohnya , penyakit demam denggi , malaria , taun dan leptospirosis (kencing tikus) boleh dikawal melalui amalan kebersihan.

Konklusinya , dasar ini dapat membuka mata masyarakat untuk beri perhatian serius terhadap aspek kebersihan bagi kekang penyakit yang boleh gugat kesejahteraan hidup.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kepentingan pertama , wujud masyarakat yang budayakan amalan kebersihan.

Masyarakat tidak buang sampah merata-rata tempat.

Kepentingan kedua , masyarakat dapat kekalkan kesihatan yang baik.

Masyarakat akan sedar jaga kebersihan boleh cegah demam denggi.

PENDERAAN KANAK-KANAK / CABARAN BENTUK KELUARGA BAHAGIA

- 13 (a) Maklumat 1 berkaitan dengan statistik penderaan kanak-kanak.

STATISTIK KANAK-KANAK DIDERA/ DIABAIKAN TAHUN 2020 HINGGA 2022			
ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB/ PENDERA	TAHUN 2020	TAHUN 2021	TAHUN 2022 (JAN-MEI)
Ibu kandung	1,668	1,943	538
Bapa kandung	870	1,160	316
Ibu angkat	31	22	10
Bapa angkat	32	45	10
Pengasuh	283	274	105
Jumlah keseluruhan	5,836	6,144	1,898

MAKLUMAT 1

Jelaskan perasaan anda setelah melihat statistik di dalam Maklumat 1. Bincangkan peranan pelbagai pihak dalam mencegah penderaan kanak-kanak. [12 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya berasa sedih.

Kerana perbuatan tidak berperikemanusiaan iaitu kes penderaan kanak-kanak terus meningkat.

Peranan pertama, bakal ibu bapa perlu ambil inisiatif untuk mengikuti kursus keibubapaan sejurus selepas mereka mendirikan rumah tangga mereka.

Melalui kursus ini, pasangan muda yang baharu berkahwin akan didedahkan cara betul untuk menjaga anak mereka.

Selain itu, bakal ibu bapa perlu diberikan kesedaran bahawa penderaan kanak-kanak merupakan perbuatan keji yang dilarang keras oleh agama dan undang-undang negara.

Misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus ambil langkah mewajibkan semua bakal ibu bapa untuk mengikuti kursus keibubapaan.

Secara kesimpulannya, kursus keibubapaan dapat menyedarkan ibu bapa obligasi mereka dalam membentuk keluarga bahagia.

Peranan kedua, masyarakat harus sentiasa peka dengan keadaan di sekeliling mereka.

Masyarakat perlu membuang sikap mementingkan diri sendiri.

Masyarakat harus miliki sikap ambil peduli apabila mengesan kes penderaan kanak-kanak berlaku di sekeliling mereka.

Contohnya, masyarakat perlu bertindak secepat mungkin melaporkan kepada polis jika dapati jiran melakukan penderaan terhadap anak-anak.

Konklusinya, kepekaan masyarakat sememangnya memainkan peranan signifikan dalam usaha membendung masalah penderaan kanak-kanak.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya berasa sedih.

Kerana kes penderaan kanak-kanak terus meningkat.

Peranan pertama, ibu bapa perlu ikut kursus keibubapaan.

Nanti, mereka akan belajar cara betul untuk jaga anak mereka.

Peranan kedua, masyarakat harus peka dengan keadaan di sekeliling mereka.

Masyarakat perlu buat laporan polis jika nampak kes penderaan kanak-kanak.

- (b) Maklumat 2 berkaitan dengan pembentukan keluarga harmoni.

“Tiada Dera, Hidup Bahagia, Keluarga Harmoni”

MAKLUMAT 2

Berdasarkan Maklumat 2, huraikan **cabaran membentuk keluarga harmoni**.
Jawapan anda haruslah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari.

[8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Anggota keluarga harus mengamalkan nilai kasih sayang, nilai toleransi, nilai hormat dan nilai bertanggungjawab.

Cabaran pertama , **pasangan suami isteri terlalu mengejar kejayaan dalam kerjaya masing-masing**.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dalam kerjaya seseorang adalah perkara yang baik.

Tetapi , sekiranya individu tersebut mengabaikan keluarga demi mengejar cita-citanya maka ianya sungguh merugikan.

Sebagai contoh , banyak pasangan suami isteri berpendidikan tinggi yang berjaya dalam dunia kerjaya tetapi gagal dalam urusan berumahtangga dan membentuk keluarga bahagia.

Konklusinya , sebagai insan yang bergelar suami atau isteri , kedua-dua pihak harus berganding bahu untuk mencapai keseimbangan antara kerjaya dan keluarga.

Cabaran kedua , **kemajuan TMK dan media pembelajaran serta hiburan yang disediakan di rumah**.

Penggunaan TMK tanpa pemantauan dan kawalan ibu bapa akan mendedahkan anak-anak kepada risiko penyalahgunaan.

Hal ini boleh mempercepatkan penerimaan budaya luar yang boleh merosakkan akhlak dan sikap anak-anak muda kita.

Misalnya , ramai anak muda kita dewasa ini dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial seperti pergaulan bebas , sumbang mahram dan seks sebelum nikah kesan pengaruh pornografi melalui internet.

Kesimpulannya , ibu bapa yang tidak mempunyai kemahiran menguruskan peranti TMK dengan betul boleh menyumbang kepada kepincangan institusi kekeluargaan mereka.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Anggota keluarga harus amalkan nilai kasih sayang, nilai toleransi, nilai hormat dan nilai bertanggungjawab.

Cabaran pertama , **suami isteri terpaksa pentingkan kerja mereka**.
Nanti mereka gagal dalam bentuk keluarga bahagia.

Cabaran kedua , **ibu bapa tidak dapat kawal internet di rumah**.
Nanti anak salah guna tengok bahan lucah hingga rosak akhlak.

INTERNET

- 14 Keratan akhbar di bawah ini adalah tentang salah guna internet.



- (a) Sebagai individu yang bermoral, **bagaimanakah** anda dapat meng**hindarkan** diri daripada **menyalahgunakan internet**?
Huraikan jawapan anda berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya harus amalkan nilai kesederhanaan , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , **sebagai murid saya akan menggunakan internet secara berhemah.**

Sejajar dengan ini , saya harus mengakses internet eksklusif sebagai bahan rujukan pembelajaran saya.

Dengan ini , saya dapat mencari maklumat baharu untuk mendalami ilmu pengetahuan saya.

Misalnya , saya harus sentiasa memberi keutamaan kepada laman web yang informatif dan bersifat ilmiah sahaja.

Secara kesimpulan , saya harus mengeksploitasi internet secara beretika untuk mengelakkan implikasi buruk.

Cara kedua , **saya harus elakkan penyebaran sebarang maklumat palsu atau maklumat diragui kesahihannya.**

Ini kerana tindakan menyebarkan maklumat yang tidak sahih mampu menggugat ketenteraman awam.

Maka sebagai langkah proaktif , saya akan mendapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan.

Misalnya , sebelum berkongsi sesuatu berita , saya akan melayari portal rasmi SKMM iaitu SEBENARNYA.MY untuk memastikan kesahihan sesuatu berita yang tular di internet.

Secara konklusinya , saya harus sentiasa berhati-hati untuk memastikan perkongsian maklumat kurang tepat tidak dilakukan oleh saya.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Saya harus amalkan nilai kesederhanaan , nilai rasional dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama , **sebagai murid saya akan guna internet secara betul.**

Saya akan guna internet untuk buat tugas saya.

Cara kedua , **saya harus elakkan maklumat palsu.**

Saya hanya kongsi maklumat lepas periksa kesahihannya.

- (b) Internet adalah suatu kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang disediakan oleh kerajaan. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya masyarakat tidak menggunakan kemudahan ini secara beretika. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kesan pertama , masyarakat akan alami masalah ketagihan penggunaan internet.

Dengan ini , masyarakat akan menghabiskan masa di hadapan komputer atau gajet.

Hal ini sudah tentu akan mengganggu konsentrasi masyarakat ketika melaksanakan tugas harian mereka.

Sebagai contoh , media sosial dan permainan video dalam internet seperti PUBG (Player's Unknown Battle Ground) membuatkan masyarakat membuang banyak masa berharga mereka walaupun motif asalnya ingin melepaskan tekanan.

Konklusinya , keseronokan yang terdapat dalam internet mampu melalaikan dan mempengaruhi minda masyarakat supaya terus membazirkan masa berjam-jam tanpa disedari.

Kesan kedua , masyarakat akan mudah terdedah kepada bahan negatif , khususnya golongan muda.

Paparan budaya kuning , aksi-aksi keganasan , bahan lucah boleh mempengaruhi dan merosakkan akhlak golongan muda.

Hal ini akan mendorong golongan muda melakukan perlakuan yang tidak diingini.

Misalnya , masyarakat di negara kita sering digemparkan dengan kes-kes gangguan seksual di sekolah dan pusat tuisyen akibat kecenderungan murid cuba meniru aksi-aksi lucah dalam video yang ditonton oleh mereka di internet.

Secara kesimpulannya , anasir negatif dalam internet jelas mampu merosakkan akhlak golongan muda negara dan ianya perlu dibendung.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kesan pertama , masyarakat akan ketagihan internet.


Masyarakat akan habiskan banyak masa di depan komputer atau gajet.

Kesan kedua , masyarakat akan mudah terdedah kepada bahan negatif.

Contoh budaya kuning , aksi ganas dan bahan lucah.

TATACARA MENGGUNAKAN SUMBER DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT

15 Teliti monolog di bawah dan jawab soalan yang diberikan.



Oh, ramai yang berkongsi tentang mesej ini!
 Lebih baik saya kongsikannya dengan rakan-rakan.
 Saya berharap menjadi orang pertama berkongsi mesej ini dalam kumpulan media sosial saya.

- (a) **Wajarkah** tindakan **anda menularkan mesej** seperti yang di atas kepada rakan-rakan? Justifikasikan jawapan anda berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari?
 [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Tindakan saya **tidak wajar**.

Saya perlu amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai hormat.

Tindakan pertama, **saya perlu pastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum berkongsi dengan kawan.**

Saya harus sabar dan tenang dengan berita yang diterima.

Saya harus elakkan tindakan terburu-buru sebarkan maklumat yang diterima untuk elakkan implikasi negatif.

Misalnya, saya harus layari portal SEBENARNYA.MY untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya.

Secara kesimpulan, saya tidak boleh sewenang-wenangnya berkongsi maklumat jika tidak pasti.

Tindakan kedua, **saya harus berwaspada dan elakkan diri saya menjadi ejen penyebaran maklumat palsu dan tidak tepat.**

Ini kerana sikap kelalaian saya ini mampu mengundang pelbagai kesan negatif.

Selain itu, sikap tidak peka dan tidak peduli saya juga mampu menggugat kesejahteraan negara.

Sebagai contoh, penyebar berita palsu boleh didakwa mengikut Akta Komunikasi dan Multimedia yang membawa hukuman denda RM 500 000 dan penjara 10 tahun.

Secara konklusinya, saya harus berhati-hati serta tidak terbawa-bawa dengan berita berbau sensasi dan beremosi untuk menyekat penyebaran berita palsu.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Tindakan saya **tidak wajar**.

Saya perlu amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai hormat.

Tindakan pertama, **saya perlu pastikan kesahihan maklumat sebelum kongsi dengan kawan.**

Saya harus semak maklumat di SEBENARNYA.MY sebelum kongsi.

Tindakan kedua, **saya harus berhati-hati dan elakkan diri saya jadi ejen sebar berita palsu.** Nanti saya akan didenda dan dipenjara.

- (b) Bincangkan tatacara menggunakan sumber dan menyebarkan maklumat yang patut diamalkan dalam situasi ini. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Tatacara pertama , kita perlu pastikan kesahihan sesuatu maklumat. Sejalan dengan ini , kita harus periksa maklumat sebelum dikongsi. Kita perlu berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan semua maklumat yang diterima.

Misalnya , kita harus mengikut pesanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yakni bukan semuanya benar di internet , jika tidak pasti , jangan kongsi.

Secara kesimpulan , kita harus semak kesahihan sesuatu berita untuk memutuskan rantaian penyebaran berita palsu.

Tatacara kedua , kita perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan.

Sejalan dengan ini , kita perlu kaji sumber atau asal usul maklumat sama ada ianya daripada sumber yang boleh dipercayai.

Dalam hal ini , kita perlu selidik sekurang-kurangnya dua sumber yang berlainan secara mendalam untuk dapatkan pengesahan maklumat.

Contohnya , kita boleh hubungi SKMM jika kita hadapi sebarang kemusykilan terhadap sesuatu maklumat dan juga melayari portal SEBENARNYA.MY.

Secara konklusinya , langkah di atas dapat membantu kita menyampaikan maklumat sahih dan sekaligus elakkan tercetusnya sebarang isu negatif yang mampu jejasakan kesejahteraan masyarakat.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Tatacara pertama , kita perlu pastikan kesahihan maklumat. Kita harus periksa maklumat sebelum dikongsi.

Tatacara kedua , kita perlu dapatkan pengesahan daripada pihak berkuasa.

Kita boleh layari portal SEBENARNYA.MY.

SCAM

16 Maklumat berikut berkaitan dengan isu macau scam.

Encik Siva berumur 60 tahun bekas jurutera kapal terbang telah menerima panggilan daripada seorang individu yang mengaku sebagai inspektor polis. Menurutnya, Encik Siva disyaki terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram. Inspektor tersebut memberitahu Encik Siva bahawa dia akan ditangkap sekiranya dia tidak memberi kerjasama memindahkan wang di dalam akaunnya ke ‘akaun tumpang’ yang lain bagi tujuan siasatan.

- (a) Berdasarkan situasi tersebut, apakah **tindakan yang wajar dilakukan oleh Encik Siva?** Berikan justifikasi anda berdasarkan **nilai universal** yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Encik Siva patut amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai keberanian.

Tindakan pertama , **Encik Siva tidak harus memindahkan wang ke akaun tumpang.** Dia tidak perlu panik dan harus bersikap tenang.

Encik Siva tidak perlu layan panggilan telefon tersebut tetapi secara licik.

Misalnya , Encik Siva boleh maklumkan kepada pemanggil yang dia tidak dapat bercakap pada waktu tersebut dan akan menghubungi mereka semula.

Secara kesimpulannya , Encik Siva tidak perlu ikut arahan yang diberi oleh pemanggil untuk pindahkan wang ke akaun bank yang tidak dikenali.

Tindakan kedua , **Encik Siva perlu semak akaun tumpang yang diberi oleh pemanggil.**

Dia perlu hubungi pihak bank berkaitan untuk mendapatkan pengesahan mengenai akaun berkenaan.

Selain itu, dia juga perlu hubungi balai polis yang berhampiran dan tidak harus beri sebarang butiran peribadinya kepada pemanggil yang tidak dikenali itu.

Contohnya , Encik Siva tidak boleh dedahkan nombor akaun bank, nombor kad ATM atau kad kredit, nombor pin dan sebagainya.

Jelaslah bahawa , tindakan proaktif Encik Siva membuat semakan dapat elakkan dia kehilangan semua wang simpanannya.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Encik Siva patut amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai keberanian.

Tindakan pertama , **Encik Siva tidak harus pindah wang ke akaun tumpang.**

Dia tidak perlu panik dan tidak perlu layan panggilan telefon tersebut.

Tindakan kedua , **Encik Siva perlu semak akaun tumpang itu.**

Dia perlu hubungi pihak bank dan buat laporan polis.

- (b) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk membendung isu macau scam yang menggugat keselamatan negara? [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cara pertama , kerajaan perlu mengadakan kempen kesedaran ‘Banteras Macau Scam’.

Rakyat perlu diberi info secara berterusan tentang cara scam ini dilakukan.

Selain itu , rakyat harus diberi tips bagaimana untuk elakkan diri dari menjadi mangsa scam.

Antaranya , Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) , Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu bergabung tenaga dengan media tempatan untuk mengadakan program jelajah berkala bagi sedarkan rakyat tentang bahaya scammer ini.

Tegasnya , pihak kerajaan harus berganding bahu semua pihak untuk bangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menumpaskan sindiket macau scam.

Cara kedua , rakyat harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam aspek TMK.

Rakyat harus peka dengan perkembangan semasa tentang macau scam dan jenayah siber.

Rakyat harus tenang dan tidak panik apabila menerima panggilan telefon yang tidak dikenali.

Misalnya , rakyat boleh gunakan portal dan aplikasi semakan akaun scammer yang dibangunkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM.

Ironinya , rakyat perlu cakna dan miliki pengetahuan asas TMK untuk elakkan diri dari menjadi mangsa macau scam.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cara pertama , kerajaan perlu buat kempen kesedaran ‘Banteras Macau Scam’.

Rakyat harus diberi tips bagaimana untuk elakkan diri dari jadi mangsa scam.

Cara kedua , rakyat harus lengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran TMK.

Rakyat boleh guna aplikasi semakan akaun scammer.

KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

- 17 Gambar di bawah menunjukkan perayaan sesuatu kaum dimeriahkan oleh kaum lain.



- (a) Namakan **empat** perayaan yang disambut oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia selain Tahun Baharu Cina. [4 markah]

Cadangan Jawapan

Masyarakat Malaysia sambut perayaan Hari Raya Puasa , Deepavali , Cap Goh Mei , Pesta Gawai , Pesta Kaamatan dan Vesakhi.

- (b) Terangkan cara anda mengekalkan keunikan rakyat Malaysia berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari. [8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Rakyat Malaysia harus mengamalkan nilai toleransi , nilai hormat dan nilai kerjasama.

Cara pertama , saya akan mengamalkan adat dan budaya keluarga saya dalam kehidupan seharian.

Hal ini, bantu saya untuk pelihara jati diri saya.

Dengan ini, saya dapat pastikan adat dan budaya keluarga saya tidak pupus ditelan zaman.

Sebagai contoh , semua warisan budaya nenek moyang saya seperti pakaian , makanan , bahasa , adat resam , seni , perayaan dan sebagainya akan saya pelihara dan kekalkan.

Tegasnya , saya harus komited untuk mempratikkan warisan kebudayaan sendiri , bak kata pepatah , biar mati anak , jangan mati adat.

Cara kedua , saya akan menerima dan memuliakan keunikan semua kaum.

Saya tidak akan memandang rendah adat atau kepercayaan kaum lain.

Saya akan mempelajari tentang adat dan budaya kaum lain untuk menguatkan pengetahuan dan pemahaman saya.

Tamsilnya , dengan bekalan info tentang budaya kaum lain saya dapat hidup berbaik-baik dan bertolak ansur dengan semua orang. Pendek kata , saya perlu mengenali dan menerima keunikan rakyat Malaysia agar perpaduan dan keamanan dapat dikekalkan.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Rakyat Malaysia harus amalkan nilai toleransi , nilai hormat dan nilai kerjasama.

Cara pertama , saya akan amalkan adat dan budaya keluarga saya.

Contoh seperti pakaian , makanan , bahasa dan perayaan saya ikut apa yang keluarga saya amalkan.

Cara kedua , saya akan terima dan memuliakan keunikan semua kaum.

Saya tidak pandang rendah adat kepercayaan kaum lain.

- (c) Keunikan kepelbagaian budaya rakyat Malaysia menjadi salah satu tarikan pelancong ke negara kita. Namun begitu, dalam mempertahankan keunikan rakyat Malaysia ini, banyak cabaran yang perlu dihadapi demi kedamaian dan keamanan negara.

Huraikan **cabaran untuk mengekalkan keunikan rakyat Malaysia.** [8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cabaran pertama , **cabaran bahasa.**

Terdapat segelintir masyarakat berbilang kaum yang gemar bertutur guna bahasa ibunda masing-masing.

Malangnya , mereka tidak fahami kepentingan menguasai bahasa kebangsaan dan hal ini jeaskan komunikasi antara kaum dalam negara kita.

Misalnya , mutakhir ini wujud trend anak-anak Melayu , Cina dan India lebih selesa bercampur gaul dengan kaum masing-masing kerana tidak fasih dalam bahasa kebangsaan.

Kesudahannya , cabaran ini akan cacatkan usaha kekalkan keunikan rakyat Malaysia.

Cabaran kedua , **cabaran budaya luar.**

Terdapat juga, rakyat Malaysia terutamanya golongan muda mudah terpengaruh dengan budaya songsang barat.

Ini kerana mereka anggap budaya tersebut maju seiring dengan arus perubahan globalisasi.

Contohnya , budaya punk , black metal dan hedonisme yang mudah meresap masuk dan menjadi ikutan generasi muda negara.

Natijahnya , cabaran ini terus menghakis jati diri serta budaya kaum mereka.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cabaran pertama , **cabaran bahasa.**

Ada rakyat tidak kuasai bahasa Melayu dan hal ini jeaskan komunikasi dengan kaum lain.

Cabaran kedua , **cabaran budaya luar.**

Ada juga rakyat Malaysia terpengaruh dengan budaya negatif dari luar.

KEPENTINGAN DAN CABARAN MENGEKALKAN HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA LUAR

18 Malaysia telah menunjukkan reputasi yang baik dalam hubungan antarabangsa. Hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar perlu dikekalkan demi menjaga kepentingan bersama. Banyak kepentingan yang diperoleh oleh Malaysia apabila menjalinkan hubungan dua hala.

(a) Beri contoh negara yang memiliki hubungan dua hala dengan Malaysia. [4 markah]

Cadangan Jawapan

China , India , Jepun , Thailand , Singapura.

(b) Huraikan kepentingan mengekalkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara luar berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Kerajaan Malaysia harus mengamalkan nilai kerjasama , nilai hormat dan nilai bertanggungjawab.

Kepentingan pertama , kerajaan Malaysia dapat memperkembangkan sektor ekonomi negara.

Hubungan yang dijalinkan mampu menarik pelabur asing untuk masuk melabur di negara kita dalam pelbagai sektor.

Hal ini akan meningkatkan pendapatan negara dan memajukan ekonomi negara kita.

Contohnya , Malaysia dapat menarik minat pelabur asing dari Jepun untuk meneroka bidang pelaburan baharu di negara kita seperti sektor kesihatan , pembuatan peralatan perubatan , teknologi digital dan industri makanan halal.

Jelaslah bahawa , melalui usaha pengekalan hubungan dua hala yang erat kita mampu mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

Kepentingan kedua , kerajaan Malaysia dapat memperkukuhkan jalinan diplomatik dan hubungan politik yang baik.

Selain itu , kerajaan sentiasa berusaha untuk memelihara kedaulatan negara dengan memupuk hubungan diplomatik yang baik dengan negara luar.

Tambahan pula , lawatan diplomatik pemimpin negara akan meningkatkan imej Malaysia sebagai negara yang mementingkan keamanan pada peringkat antarabangsa.

Misalnya , Perdana Menteri Malaysia melawat negara Indonesia , Thailand , Singapura dan negara Turki adalah bagi memperkasakan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan Eropah.

Rumusannya , hubungan diplomatik perlu diteruskan demi kepentingan negara dan kemakmuran sejagat.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Kerajaan Malaysia harus amalkan nilai kerjasama , nilai hormat dan nilai bertanggungjawab.

Kepentingan pertama , kerajaan Malaysia dapat majukan ekonomi negara.

Hubungan baik mampu menarik pelabur asing.

Kepentingan kedua , kerajaan Malaysia dapat kukuhkan hubungan diplomatik.

Contoh , Perdana Menteri Malaysia lawat negara Indonesia , Thailand , Singapura dan negara Turki untuk rapatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan Eropah.

- (c) Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan dengan negara luar. Semua cabaran ini perlu ditangani agar negara kita dapat menjalinkan kerjasama dan kesefahaman pada peringkat global.

Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengekalkan hubungan antarabangsa. [8 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cabaran pertama , cabaran kedudukan geografi sesebuah negara.

Hal ini disebabkan oleh isu pencerobohan kawasan perairan oleh nelayan yang sering mencetuskan konflik antara Malaysia dengan negara jiran.

Ini diikuti dengan isu perebutan sempadan wilayah kelautan dan kepulauan sering menyebabkan hubungan baik antara negara menjadi renggang.

Misalnya , isu perebutan Pulau Sipadan dan Ligitan antara Malaysia dengan Indonesia.

Natijahnya , cabaran ini terus menjadi faktor pengancam kepada hubungan baik antara Malaysia dengan negara jiran.

Cabaran kedua , cabaran perbezaan ideologi.

Malaysia amalkan prinsip berkecuali dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara lain serta mendukung prinsip PBB dalam melindungi hak asasi manusia dan keamanan sejagat.

Malangnya , kadang kala timbul isu yang mencabar prinsip Malaysia sehingga menimbulkan ketegangan dalam hubungan dengan negara jiran.

Contohnya , Malaysia tidak senang dengan Myanmar yang masih belum amalkan demokrasi sepenuhnya dan masih diperintah oleh tentera serta isu penghapusan etnik Rohingya di Myanmar.

Kesannya , amalan mendukung ideologi berbeza kadang kala boleh jejas hubungan antara Malaysia dengan negara jiran.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cabaran pertama , cabaran kedudukan geografi.


Contoh Malaysia dan Indonesia ada rebut Pulau Sipadan dan Ligitan.

Cabaran kedua , cabaran perbezaan ideologi.

Contohnya , Malaysia tidak puas hati dengan Myanmar belum demokrasi dan Myanmar mahu hapuskan etnik Rohingya.

INDIVIDU GLOKAL

- 19 Gambar di bawah menunjukkan usaha yang dilakukan oleh Azizul Julirin, seorang anak muda Sabah dalam bidang pertanian.



Tragedi gempa Ranau pada tahun 2015 menyaksikan bukan sahaja jalan raya dan jambatan musnah teruk akibat banjir lumpur, malah hasil tanaman petani turut musnah. Namun, kejadian gempa bumi tersebut telah mencetuskan idea inovasi kepada Azizul Julirin graduan berkelulusan Sains Akuakultur dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mencari alternatif penyelesaian terbaik untuk meningkatkan hasil pengeluaran di sebalik musibah yang melanda. Beliau telah menggunakan kaedah akuaponik iaitu alternatif penanaman sayur tanpa bergantung kepada cuaca dan muka bumi dan berjaya mendapat hasil yang baik. Kini beliau berjaya mengeksport hasil pertanian ke tempat lain.

- (a) Adakah tindakan Azizul Julirin menepati ciri individu global?

Berikan justifikasi anda berdasarkan nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Ya , tindakan Azizul menepati ciri individu global. Azizul mengamalkan nilai keberanian , nilai kerajinan , nilai bertanggungjawab dan nilai rasional.

Ciri pertama , Azizul miliki jati diri yang kukuh.

Dia berfikiran positif dan optimis walaupun hasil tanamannya musnah akibat tragedi gempa.

Ini kerana , dia tidak pernah berputus asa sebaliknya cuba hadapi masalah secara holistik.

Misalnya , Azizul telah mengeksplotasi konsep Pertanian Pintar dengan mengadaptasi kaedah akuaponik.

Secara konklusinya , Azizul dapat mengekalkan jati diri walaupun ditimpa musibah gempa bumi.

Ciri kedua , Azizul miliki kemahiran teknologi maklumat.

Hal ini terserlah , apabila dia mampu menggunakan teknologi maklumat mengikut peredaran masa.

Dengan ini , dia mampu memperoleh banyak informasi terkini dan relevan mengenai bidang pertanian.

Contohnya , Azizul dapat teroka kaedah akuaponik iaitu contoh inovasi terbaharu dalam bidang pertanian ke arah merealisasikan revolusi industri 4.0.

Kesimpulannya , kemantapan Azizul menggunakan teknologi maklumat secara arif telah membantunya menghadapi pelbagai cabaran global.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Ya , tindakan Azizul tepati ciri individu global. Azizul amalkan nilai keberanian , nilai kerajinan , nilai bertanggungjawab dan nilai rasional.

Ciri pertama , Azizul miliki jati diri kukuh.

Dia tidak putus asa dan usaha hadapi masalah walaupun berlaku gempa bumi.

Ciri kedua , Azizul miliki kemahiran teknologi maklumat.

Dia guna kaedah akuaponik iaitu pertanian moden.

- (b) Sebagai pelajar, bagaimanakah anda boleh menjadikan diri anda sebagai individu bersikap global? [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cara pertama , saya akan mengutamakan produk tempatan berbanding dengan produk antarabangsa.

Dengan ini , saya dapat menjimatkan perbelanjaan keluarga saya. Ini adalah kerana harga barangan tempatan lebih murah berbanding barangan import.

Sebagai contoh , harga motosikal buatan tempatan yakni MODENAS lebih murah berbanding motosikal import.

Secara konklusinya , tindakan saya beli barangan tempatan dapat membantu perkembangan industri tempatan.

Cara kedua , saya akan menguasai pelbagai bahasa tanpa mengabaikan bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda.

Saya akan berusaha mempelajari bahasa asing sebagai suatu kelebihan tambahan untuk hadapi cabaran global.

Seperkara lagi , tindakan ini akan membantu saya apabila melanjutkan pelajaran di luar negara.

Misalnya , saya perlu mempelajari bahasa Rusia bagi merealisasikan cita-cita saya untuk sambung pengajian saya dalam bidang perubatan di negara berkenaan.

Secara kesimpulannya , usaha meningkatkan kemahiran berbahasa asing dapat membantu saya berkomunikasi dengan individu daripada negara lain dengan mudah.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Cara pertama , saya utamakan produk tempatan berbanding produk antarabangsa.

Saya dapat jimat wang harga barangan tempatan lebih murah.

Cara kedua , saya akan kuasai banyak bahasa tanpa abaikan bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda.

Ini bantu saya komunikasi dengan individu daripada negara lain.

TANGGUNGJAWAB PEMIMPIN SESEBUAH NEGARA

20 Berikut adalah slogan yang perlu diamalkan oleh pemimpin sesebuah negara.

AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI

- (a) Berdasarkan slogan di atas, terangkan **tanggungjawab pemimpin terhadap pembangunan negaranya**. Jawapan anda perlu berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Pertama , **pemimpin harus melaksanakan tugasnya secara telus dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian perkhidmatan.**

Sejajar dengan ini , pemimpin harus elakkan penyalahgunaan kuasa dan merealisasikan dasar anti-rasuah.

Hal ini penting bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan rakyat.

Sebagai contoh , pemimpin perlu paparkan sifat akauntabiliti tinggi dengan sentiasa bersedia memberi penjelasan kepada rakyat apabila timbul keraguan dalam soal pengurusan dana awam.

Secara konklusinya , pemimpin harus komited untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat yang memberi mandat terhadap pentadbirannya.

Kedua , **pemimpin harus mewujudkan sistem pentadbiran yang sistematik.**

Dalam hal ini , pemimpin harus membentuk budaya kerja berintegriti dalam setiap sektor pekerjaan tidak kira dalam sektor awam mahupun sektor swasta.

Dengan ini , rakyat dapat memperolehi perkhidmatan terbaik dan kebajikan mereka akan terpelihara.

Misalnya , pemimpin harus menjadi model peranan kepada rakyat dengan mempamerkan prinsip-prinsip Islam Hadhari dan ciri kepimpinan melalui teladan dalam setiap tindakan mereka.

Secara kesimpulannya , pemimpin harus bekerja keras untuk memantapkan sistem pentadbiran negara ke arah memenuhi ekspektasi rakyat.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Pertama , **pemimpin harus laksanakan tugasnya secara telus.**

Pemimpin harus elakkan salahguna kuasa dan amalkan anti-rasuah.

Kedua , **pemimpin harus wujudkan sistem pentadbiran yang sistematik.**

Pemimpin harus beri perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

- (b) Jelaskan implikasi jika pemimpin tidak mengamalkan slogan di atas semasa menjalankan tugasnya. [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Implikasi pertama , pembangunan ekonomi negara akan terjejas.
Jika pemimpin tidak berintegriti dan gagal untuk mewujudkan negara bebas rasuah maka ini akan melumpuhkan ekonomi negara berkenaan.

Ini kerana rasuah merupakan kos tidak langsung kepada semua aktiviti ekonomi.

Sebagai contoh , sekiranya kos sesuatu projek bernilai RM 100 juta , mungkin RM 20 juta hangus begitu sahaja akibat rasuah dan perkara ini akan sekat para pelabur asing ke negara kita.

Secara konklusinya , amalan rasuah boleh ancam kestabilan ekonomi negara dengan menyebabkan pelabur asing hilang kepercayaan dan lari ke negara yang mempunyai pemimpin berintegriti tinggi.

Implikasi kedua , imej negara akan hancur dipersada antarabangsa.
Kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi dewasa ini memudahkan sesuatu berita tentang pemimpin negara dapat disebar luas dalam jangka masa yang begitu singkat.

Berita penyalahgunaan kuasa dan amalan tidak berintegriti dalam kalangan pemimpin negara boleh menjadi bahan berita kepada media antarabangsa.

Misalnya , pemaparan berita tentang krisis pentadbiran Presiden Sri Lanka baru-baru ini telah mencuri perhatian dan menjadi bahan bualan hangat seluruh masyarakat global.

Secara kesimpulannya , amalan pemimpin negara yang tidak berintegriti dan tidak berakuntabiliti sememangnya boleh mencemari nama baik negara dalam sekelip mata.

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON LULUS

Implikasi pertama , ekonomi negara akan terjejas.
Rasuah menyebabkan pelabur asing hilang kepercayaan dengan negara kita.

Implikasi kedua , imej negara akan hancur.
Berita pemimpin negara kita salahguna kuasa dan tidak berintegriti masuk dalam berita antarabangsa.

AMALAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI

21 Situasi di bawah mengenai Encik Karthik.

Encik Karthik seorang pekerja yang mengamalkan integriti dalam organisasi. Misalnya, dia seorang yang menepati masa, akur dengan arahan majikan, sentiasa bersikap positif dan berwawasan. Justeru, majikannya telah memberikan penghargaan kepadanya dengan menaikkan pangkat dan gaji.

(a) Berdasarkan situasi di atas, huraikan **kepentingan amalan integriti dalam organisasi** seperti yang diamalkan oleh Encik Karthik berdasarkan nilai universal yang anda pelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Encik Karthik mengamalkan nilai rasional , nilai bertanggungjawab dan nilai kejujuran.

Kepentingan pertama , **Encik Karthik dapat meningkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi.**

Ini kerana , dia dapat mengelakkan penyelewengan kerja dan akan melaksanakan tugasnya dengan penuh komitmen.

Seterusnya , dia akan memiliki sensitiviti dan akauntabiliti tinggi yang sudah tentu merangsang dia memberi perkhidmatan kelas pertama kepada para pelanggan.

Ironinya , hal ini akan bawa kesan baik di mana visi dan misi organisasi akan tercapai dan sekaligus akan meningkatkan keyakinan dan menjamin kepuasan pelanggan.

Secara kesimpulannya , budaya kerja berintegriti dapat bantu warga syarikat untuk menawarkan servis terbaik kepada para pelanggan.

Kepentingan kedua , **Encik Karthik dapat muncul sebagai sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi.**

Ini kerana dia sentiasa menunjukkan budaya kerja yang positif.

Selain itu , dia akan menepati waktu bertugas dan melaksanakan semua arahan majikan dengan penuh dedikasi.

Misalnya , sikap kerja berintegriti Encik Karthik akan dihargai dan akan mendapat pengiktirafan , antaranya dia akan mendapat kenaikan pangkat dan gaji.

Konklusinya , amalan integriti dapat bantu Encik Karthik menjadi warga kerja yang bermutu dan disegani.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Encik Karthik amalkan nilai rasional , nilai bertanggungjawab dan nilai kejujuran.

Kepentingan pertama , **Encik Karthik dapat tingkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi.**

Nanti pelanggan puas hati dan yakin dengan organisasinya.

Kepentingan kedua , **Encik Karthik dapat muncul sebagai sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi.**

Nanti Encik Karthik akan naik pangkat dan gaji.

- (b) Sebagai seorang majikan dan pekerja , bagaimanakah anda mengamalkan integriti dalam organisasi? [10 markah]

Cadangan Jawapan

ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Sebagai majikan , saya akan melaksanakan program kesedaran untuk pekerja organisasi saya.

Sejajar dengan ini , saya akan memastikan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dalam organisasi saya dijalankan secara tegas dan berkesan.

Dengan ini , saya dapat memerangi rasuah , penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi saya.

Antara contoh usaha , yang akan saya lakukan adalah menjemput pegawai SPRM untuk memberi ceramah kepada semua pekerja saya dari semasa ke semasa.

Secara konklusinya , saya harus tunjukkan komitmen tinggi dalam memupuk kesedaran dalam kalangan kakitangan organisasi saya.

Sebagai pekerja , saya akan mematuhi kod etika kerja.

Saya akan mengelakkan penyelewengan kerja.

Sejajar dengan ini , saya akan terima dan laksanakan tugas saya secara komited dengan penuh akauntabiliti.

Misalnya , saya akan mematuhi segala peraturan organisasi dan sentiasa akur kepada arahan majikan saya.

Secara kesimpulannya , pematuhan kod etika kerja dapat membantu saya menjadi seorang pekerja yang berintegriti tinggi.

Cadangan Jawapan

ARAS 2 : CALON LULUS

Sebagai majikan , saya akan buat program kesedaran untuk pekerja organisasi saya.

Saya akan jemput pegawai SPRM untuk beri ceramah kepada semua pekerja.

Sebagai pekerja , saya akan patuhi kod etika kerja.

Saya akan mematuhi segala peraturan organisasi dan sentiasa ikut arahan majikan saya.